

# Nama kereta baru Proton

# DR M PILIH SATRIA

Oleh Shariffudin Mohamed dan Halmi Samad ✓

PEKAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam mengumumkan nama kereta baru Proton model tiga pintu sebagai Proton Satria. Kereta yang mempunyai tiga model iaitu 1.3 megavalve, 1.6 16 injap automatik dan manual, akan memasuki pasaran pada bulan depan dan diedarkan oleh Usahasiswa Proton-DRB Sdn Bhd (USPD) di cawangannya di seluruh negara.

Dr Mahathir memberi nama itu sempena pelancaran rangkaian pemasangan kereta itu di Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd (AMM) di Peramu dekat sini, semalam.

Satria yang dimajukan oleh USPD ialah hasil usaha sama dua syarikat besar Malaysia - Perusahaan Otomobil Nasional dan Diversified Resources Bhd (DRB).

DRB adalah pemegang saham terbesar dengan 51 peratus, Proton memiliki 30 peratus manakala Erat Bakti sebanyak 19 peratus. Sejumlah RM150 juta dilaburkan dalam projek itu.

Berucap di majlis itu, Dr Mahathir menyarankan pengusaha industri automotif dan syarikat yang terbabit dalam bidang kejenteraan di negara ini, mengkaji kemungkinan menerapkan penggunaan teknologi terbaru diesel dalam kegiatan mereka.

Menurutnya, teknologi terbaru penggunaan diesel itu tidak lagi mengeluarkan asap tebal atau bunyi bising seperti enjin diesel jenis lama, malah kini tidak dapat dibezakan yang mana petrol dan diesel.

"Sehubungan itu, setiap syarikat perlu memperkukuhkan Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk menjalankan kajian kemungkinan, mengubahsuai serta mengemaskini proses penerapan teknologi itu.

"Jika didapati pemindahan teknologi diesel itu lebih baik, menguntungkan dan selamat, industri dan syarikat tempatan perlu mengambil kesempatan dengan sebaik mungkin.

"Kerajaan sudah memberi kemudahan dengan menurunkan cukai import jentera diesel sebagaimana dikemukakan dalam anggaran Belanjawan 1995," katanya.

Dr Mahathir juga menasihatkan syarikat negara ini bergabung menjadi sebuah konsortium untuk menubuhkan kilang kenderaan di luar negara melalui usaha sama dengan pihak tempatan.

Menurutnya, tidak semestinya syarikat itu bergerak bersendirian dan bersaing sesama sendiri apabila melabur di negara asing.

Selain negara Asean, katanya, China, Vietnam dan beberapa negara Eropah Timur adalah destinasi berdaya maju untuk diteroka oleh industri pengeluaran kenderaan di negara ini.

"Perubahan politik di negara bekas Soviet Union dan sikap di negara sosialis di Eropah dan Asia membuka banyak peluang kepada kita untuk berkembang.

Dr Mahathir berkata, China menjadi tumpuan utama di Asia kerana bukan saja memiliki tenaga kerja murah dan bahan mentah banyak, malah pasaran terbesar.